

MOSTI, TPM, Huawei Malaysia dan TM jalin usaha sama perkasa perniagaan dengan e-perkhidmatan MRANTI

Kenyataan Media

Januari 11, 2022 15:58 MYT



Majlis Pertukaran Memorandum Platform E-Perkhidmatan MRANTI, Huawei Teknologi Malaysia dan Telekom Malaysia Berhad di Menara Integra hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd (Huawei Malaysia) dan Telekom Malaysia Berhad (TM) bagi menjalinkan usaha sama untuk membangunkan sebuah platform e-Perkhidmatan MRANTI. MRANTI merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan melalui penggabungan dua agensi di bawah MOSTI iaitu TPM dan Malaysian Global Innovation Creativity Centre (MaGIC).

MoU dimeterai oleh Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Puan Dzuleira Abu Bakar; Naib Presiden Huawei Malaysia, Encik Lim Chee Siong; dan Naib Presiden Eksekutif TM ONE, Puan Shazurawati Abd Karim. Majlis pertukaran dokumen MoU turut disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Bin Baba.

Datuk Seri Adham berkata, "Usaha MOSTI ini bertujuan untuk meningkatkan inovasi tempatan serta mempercepatkan penggunaan dan pembangunan teknologi, bagi membantu negara menyelesaikan cabaran masa kini, seperti yang ditetapkan dalam Dasar IR 4.0 negara."

Tambah beliau lagi, "Melalui kerjasama ini, kepakaran ketiga-tiga rakan strategik disinergikan bagi mewujudkan persekitaran yang dinamik di mana perkhidmatan pengkomersialan, kepakaran teknologi dan tapak ujian disediakan bagi menyokong daya saing dan perkembangan portfolio syarikat teknologi tempatan di pasaran domestik dan antarabangsa."

Dengan termeterainya MoU ini, TPM, Huawei Malaysia dan TM melalui unit penyelesaian perniagaan perusahaan dan sektor awamnya, TM ONE, akan membantu syarikat startup tempatan untuk memacu pemasaran komersil dengan mengetengahkan kemahiran dan produk mereka bagi memenuhi sebarang permintaan di platform e- Perkhidmatan. Ini termasuk menyediakan penyelesaian digital untuk menyokong TPM dan taman teknologi di bawah pengurusannya, membangunkan rangka kerja penyelesaian untuk memajukan inovasi syarikat serta memperkasakan Taman Kecerdasan Buatan di TPM melalui pendigital moden sejajar dengan matlamat ke arah transformasi digital dan merealisasikan agenda MyDIGITAL dan Dasar Revolusi Perindustrian ke- 4 Negara (Dasar 4IR).